

Ops Hazard rekod rampasan RM21.6 juta

Operasi dilaksana PGA bersama JAS dan PBT ke atas premis memproses sisa elektronik

Oleh Jeremy Lanson

KUCHING: Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sarawak bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) melancarkan Ops Hazard Sarawak dan berjaya merekodkan rampasan keseluruhan RM21.6 juta kelmarin.

Komander Briged Sarawak SAC Dr Che Ghazali Che Awang berkata, operasi tersebut merupakan kali

Menurutnya, tiga serbuan telah dilakukan dan seramai sembilan orang ditangkap, termasuk seorang wanita serta seorang lelaki warga asing berusia lingkungan 26 hingga 55 tahun.

“Tiga serbuan dan pemeriksaan telah dilakukan dan hasilnya menemui 525.45 tan komponen e-sisa yang belum diproses dianggarkan bernilai RM14.7 juta.

“Kesemuanya kemudian dirampas bersama dengan tiga kontena, tiga kenderaan berat



KUAT KUASA: Sekitar Ops Hazard Sarawak yang dijalankan ke atas tiga premis di Kuching, kelmarin.

“Kesemuanya kemudian dirampas bersama dengan tiga kontena, tiga kenderaan berat dan beberapa mesin serta peralatan pelbagai jenis yang dianggarkan keseluruhan rampasan berjumlah RM21.6 juta.”

SAC Dr Che Ghazali Che Awang
Komander Briged Sarawak

kedua dilaksanakan bagi tujuan penguatkuasaan undang-undang ke atas premis yang memproses sisa elektronik (e-sisa) tanpa permit daripada JAS.

dan beberapa mesin serta peralatan pelbagai jenis yang dianggarkan keseluruhan rampasan berjumlah RM21.6 juta,” katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Tambahnya, kesemua tangkapan telah diserahkan kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) yang terlibat.

“Manakala, rampasan diserahkan kepada pihak JAS dan PBT yang berkenaan untuk tindakan dan siasatan lanjut,” katanya.

Jelas Che Ghazali, antara kesalahan yang terlibat adalah di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, dan Undang-Undang/Ordinan

dan Kaedah-Kaedah Majlis Perbandaran Padawan.

“Adalah penting untuk memastikan premis yang memproses e-sisa mempunyai permit atau lesen yang sah daripada JAS bagi menguruskan keseluruhan proses barangan buangan terjadual termasuklah menjalankan aktiviti melerai, memproses dan melebur sampah e-sisa yang diseludup tanpa mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

“Briged Sarawak PGA bersama JAS dan PBT akan

terus berkolaboratif dalam usaha membanteras jenayah alam sekitar dan seterusnya memastikan undang-undang dipatuhi,” ujarnya.

Sepanjang Januari hingga 17 Mac, PGA Briged Sarawak telah mencatatkan kejayaan rampasan bernilai RM197.3 juta.

Selain itu, sebanyak 78 kes direkodkan melibatkan tangkapan seramai 186 orang (137 warga tempatan dan 49 warga asing) serta rampasan sebanyak 111 kenderaan pelbagai jenis.